

BECLOMET EASYHALER INHALATION POWDER

Beclomethasone dipropionate 200mcg/dose

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Beclomet Easyhaler
2. Bagaimana Beclomet Easyhaler berfungsi
3. Sebelum mengambil Beclomet Easyhaler
4. Cara menggunakan Beclomet Easyhaler
5. Semasa menggunakan Beclomet Easyhaler
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Beclomet Easyhaler
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Baca risalah ini dengan teliti sebelum anda mula mengambil ubat ini

- Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya sekali lagi.
- Jika anda mempunyai sebarang soalan lain, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.
- Ubat ini telah dipreskripsi untuk anda. Jangan beri kepada orang lain. Ia mungkin membahayakan kesihatan mereka, walaupun simptom mereka adalah sama dengan simptom anda.
- Jika mana-mana kesan sampingan itu menjadi serius, atau jika anda mendapati terdapat sesuatu kesan sampingan yang tidak tersenarai dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Apakah kegunaan Beclomet Easyhaler

Beclomet Easyhaler ialah sejenis ubat yang dipanggil sebagai "pencegah". Ia merawat keradangan dan ia digunakan untuk mencegah simptom asma. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai kortikosteroid.

Beclomethasone TIDAK akan memberhentikan serangan asma yang telah bermula. Oleh itu, anda perlu sentiasa membawa "pelega" (Beta₂-agonis) bronkodilator (ubat-ubatan yang digunakan untuk membantu meningkatkan pengaliran udara ke dalam paru-paru) bertindak pantas dengan anda.

Serbuk *Beclomethasone* dibungkus dalam alat sedut yang dipanggil Easyhaler. Anda menyedut serbuk masuk ke dalam paru-paru anda melalui pelekap mulut alat sedut.

Bagaimana Beclomet Easyhaler berfungsi

Beclomet Easyhaler berfungsi dengan mengurangkan bengkak dan radang di dalam paru-paru.

Sebelum mengambil Beclomet Easyhaler

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan menggunakan Beclomet Easyhaler,

- jika anda alergi (hipersensitif) kepada *Beclomethasone* atau laktosa monohidrat (mengandungi sedikit protein susu).
Hubungi doktor anda supaya ubat anda boleh ditukarkan kepada ubat lain.

- *Sebelum mula mengambil*

Mengandung dan penyusuan susu ibu
Minta nasihat daripada doktor anda sebelum menggunakan Beclomet Easyhaler, jika anda hamil, merancang

untuk hamil atau sedang menyusukan bayi.

Bincang dengan doktor anda **sebelum** anda menggunakan Beclomet Easyhaler, jika anda mempunyai:

- tuberkulosis pulmonari (jangkitan bakteria yang melibatkan paru-paru)

Maklumat penting tentang beberapa bahan kandungan Beclomet Easyhaler
Serbuk penyedutan Beclomet Easyhaler mengandungi sedikit laktosa (7mg/dos), yang kemungkinan tidak akan menyebabkan sebarang masalah walaupun anda tidak mempunyai toleransi terhadap laktosa. Jika anda telah diberitahu oleh doktor anda bahawa anda tidak mempunyai toleransi terhadap sesetengah jenis gula, hubungi doktor anda sebelum menggunakan produk ubat ini.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor anda, jika anda menggunakan:

- ubat hidung yang mengandungi kortikosteroid
- tablet kortikosteroid

Beritahu doktor anda juga jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda perolehi tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Beclomet Easyhaler

- *Berapa banyak harus digunakan*

Doktor anda telah mempreskripsi kekuatan dan dos ubat yang sesuai untuk

anda. Ikut arahan doktor anda dengan cermat. Biasanya anda akan mengambil 1-2 dos sebanyak 2-4 kali sehari.

Dos Penyelenggaraan Biasa:

Orang dewasa: Satu hingga dua sedutan (200 – 400 mcg) dua kali sehari. Jika perlu, dos boleh ditingkatkan sehingga 1600 mcg/hari yang dibahagikan dalam dua hingga empat dos dan kemudiannya dikurangkan apabila asma telah stabil

Kanak-kanak berumur 6 -12 tahun: Satu sedutan (200 mcg) dua kali sehari. Dalam kes yang lebih teruk, dos boleh ditingkatkan sehingga 800 mcg/hari yang dibahagikan dalam dua hingga empat dos dan kemudiannya dikurangkan apabila asma telah stabil .

Semasa dalam rawatan, doktor anda mungkin menyelaraskan dos anda dari semasa ke semasa untuk mencari dos terendah yang diperlukan untuk mengawal asma anda (dos penyelenggaraan).

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Kesan *Beclomethasone* mungkin menjadi ketara selepas rawatan untuk beberapa hari tetapi ia hanya akan mencapai tahap maksimum selepas beberapa minggu. Anda harus kerap menggunakan Beclomet Easyhaler untuk mencegah keradangan asma. Anda harus terus menggunakan ubat ini mengikut nasihat doktor walaupun anda tidak mengalami sebarang simptom asma.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlepas satu dos, ambil satu

dos dengan segera, atau ambil dos seterusnya seperti biasa. Anda digalakkan untuk mengambil ubat anda pada waktu yang sama setiap hari. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Adalah penting bahawa anda mengambil dos seperti yang dinyatakan pada label farmasi atau sebagaimana yang dinasihati oleh doktor anda. Anda tidak boleh menambah atau mengurangkan dos anda tanpa nasihat perubatan.

Semasa menggunakan Beclomet Easyhaler

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika anak anda menggunakan Beclomet Easyhaler, pastikan dia boleh menggunakannya dengan betul.

Simptom asma menjadi semakin teruk semasa rawatan:

Hubungi doktor anda secepat mungkin, jika:

- pernafasan berdehrit atau kesesakan dada anda menjadi lebih teruk semasa rawatan
- anda perlu mengambil alat sedut pelega anda lebih kerap daripada sebelumnya

- alat sedut pelega anda kurang berkesan berbanding dulu

Asma anda mungkin menjadi semakin teruk dan anda mungkin memerlukan rawatan tambahan.

Menggantikan tablet kortikosteroid dengan Beclomet Easyhaler: Beritahu doktor anda, jika anda mengambil tablet kortikosteroid (e.g. tablet kortison) untuk merawat asma anda.

Doktor anda mungkin menyuruh anda mengurangkan bilangan tablet secara beransur-ansur dan akhirnya henti rawatan dalam masa beberapa minggu. Jika anda berasa kurang sihat ketika tempoh peralihan ini, hubungi doktor anda, tetapi jangan berhenti menggunakan Beclomet Easyhaler.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan Beclomet Easyhaler tanpa minta nasihat daripada doktor anda. Jika anda berhenti mengambil ubat ini secara tiba-tiba, ia boleh menyebabkan asma anda menjadi lebih teruk.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Di samping pencegahan, Beclomet Easyhaler, anda juga perlu ada pelega bronkodilasis: *Beclomethasone* TIDAK akan memberhentikan serangan asma yang telah bermula. Oleh itu, anda perlu sentiasa membawa "pelega" bronkodilasis (Beta₂-agonis) bertindak pantas dengan anda seandainya terdapat simptom asma akut.

Jika anda kerap menggunakan alat sedut pelega (Beta₂-agonis), anda perlu menggunakannya sebelum Beclomet Easyhaler (pencegah).

Memandu atau mengendalikan mesin
Beclomet Easyhaler tidak menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua jenis ubat, Beclomet Easyhaler boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan biasa

- kandidiasis mulut, faring atau pangkal tekak (seriawan dalam mulut dan tekak);
- suara serak;
- batuk;
- sakit tekak dan kerengsaan tekak

Kesan-kesan sampingan jarang berlaku

- Pneumonia eosinofilik (penyakit paru-paru di mana kuantiti eosinofil [sejenis sel darah putih] dalam paru-paru dan saluran darah) meningkat;
- reaksi alergi, termasuk urtikaria (gatal-gatal), angioedema (pembengkakan yang serupa dengan gatal-gatal, tetapi pembengkakan ini adalah di bawah kulit dan bukannya pada permukaan) dan ruam;
- bronkospasma (pengetatan otot-otot di sekitar tiub bronkial);
- pertumbuhan terencat (pertumbuhan menjadi terbantut)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan Beclomet Easyhaler

- Penyimpanan

Jauhkan dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.
Sebelum mengambil untuk kali pertama: simpan di dalam bungkusan berlaminasi yang belum dibuka.

Selepas membuka bungkusan berlaminasi:
simpan di bawah 25° C jauh dari daripada kelembapan. Anda disyorkan untuk menyimpan Easyhaler di dalam penutup perlindungannya.

Gantikan Beclomet Easyhaler dengan yang baru selewat-lewatnya 6 bulan selepas anda membuka bungkusan berlaminasi. Tulis tarikh anda buka kantung supaya anda dapat ingat.

Jika Beclomet Easyhaler anda menjadi lembap, anda perlu menggantikannya dengan yang baru.

Jangan gunakan Beclomet Easyhaler selepas tarikh luput yang tercatat pada karton.

- Pelupusan

Ubat tidak seharusnya dilupuskan melalui air kumbahan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Serbuk putih atau hampir putih.

- Bahan-bahan kandungan
- Bahan aktif
Bahan aktif ialah *Beclomethasone dipropionate*

- Bahan tidak aktif
Bahan kandungan lain ialah laktosa monohidrat (mengandungi sedikit susu protein)

- Nombor MAL
MAL19970047AZ

Pengilang

Orion Corporation
Orionintie 1
02200 Espoo, Finland

Pemegang Pendaftaran Produk

ORION PHARMA (MY) SDN. BHD.
E-20-01, MENARA SUEZCAP 2,
KL Gateway, No. 2, Jalan Kerinchi,
Gerbang Kerinchi Lestari 59200
Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
05/08/2022

Nombor siri

BPFK(R4/1)130415/00063